

Spesifikasi gred

Dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada spesifikasi dan kelonggaran gred seperti jadual berikut:

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran	(%)
Premium	Cendawan tiram dalam kelas ini hendaklah mempunyai saiz dan kematangan yang seragam, serta segar, bersih dan bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Keseragaman tahap kematangan Kecacatan Kerosakan	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 3
	Cendawan tiram gred ini hendaklah mencapai Gred 1	Maksimum 5% daripada segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkus	
1	Cendawan tiram dalam kelas ini hendaklah mempunyai saiz dan kematangan yang seragam, segar, bersih dan agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Keseragaman tahap kematangan Kecacatan Kerosakan	≤ 5 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 5
	Cendawan tiram gred ini hendaklah mencapai Gred 2	Maksimum 15% daripada segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkus	
2	Cendawan tiram dalam kelas ini hendaklah mempunyai saiz dan kematangan yang seragam, serta segar, bersih dan kecacatan atau kerosakan tidak ketara.	Segar Keseragaman saiz Keseragaman tahap kematangan Kecacatan Kerosakan	≤ 10 ≤ 20 ≤ 10 ≤ 10 ≤ 5
		Maksimum 25% daripada segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkus	

Pengelasan Saiz

Ditentukan oleh diameter kelopak seperti jadual berikut:

Saiz cendawan tiram seharusnya seragam dalam setiap konsainan. Saiz minimum cendawan tiram ialah 10 mm.

SAIZ	KOD	DIAMETER (mm)
S	1	< 40
M	2	40 – 80
L	3	> 80

Keperluan Minimum

- Bersih dan agak bebas daripada kecacatan dan kerosakan serta sesuai dan selamat untuk dimakan.
- Dirapi sempurna.
- Terdiri daripada varieti yang sama.
- Sisa racun perosak, logam berat dan mikroorganisma hendaklah tidak melebihi paras maksimum yang ditetapkan di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan - Peraturan Makanan 1985.
- Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) dan Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 hendaklah dipatuhi.



BAHAGIAN REGULATORI
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1,
Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-6126 2020
Faks : 03-6138 5200 / 03-6120 2064
E-mel : fama@fama.gov.my
www.fama.gov.my

KUALITI CENDAWAN TIRAM KELABU BERPANDUKAN MALAYSIAN STANDARD MS 2515:2012

www.fama.gov.my **GPL**

Cendawan Tiram Kelabu

Cendawan Tiram Kelabu atau nama botaninya *Pleurotus sajor-caju* dari famili Pleurotaceae merupakan jenis cendawan yang mempunyai permintaan yang baik di pasaran tempatan dan eksport. Penanaman cendawan tiram kelabu memerlukan kelembapan tinggi pada suhu 28°C-30°C dan tidak terdedah pada cahaya matahari. Negara pengeluar utama ialah Thailand, Taiwan, Jepun dan Australia. Perusahaan tanaman cendawan boleh didapati hampir di setiap negeri di Malaysia. Negeri pengeluar utama cendawan adalah Johor dan Selangor.

Cendawan Tiram Kelabu mengandungi kalori yang rendah, bahan antioksidan, protein serta pelbagai mineral dan vitamin yang mampu meningkatkan sistem imun untuk melawan jangkitan virus dan bakteria, merencatkan pertumbuhan tumor dan aktiviti pelindung gen. Kebiasaannya digunakan dalam masakan sebagai sayur dan penghasilan produk hiliran seperti produk sejukbeku dan makanan ringan.



Kepentingan Kualiti

Cendawan Tiram Kelabu perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula daripada amalan ladang, pengendalian lepas tuai, hingga ke peringkat pemasaran. Penuaian biasanya dibuat antara 10-12 minggu selepas inokulasi. Cendawan yang telah dibungkus dan disimpan pada suhu 3-5°C dengan kadar kelembapan relatif 90-95% boleh bertahan 3-7 hari.

Penguatkuasaan Peraturan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan hasil keluaran pertanian) 2008 atau GPL oleh FAMA adalah untuk memastikan semua keluaran pertanian perlu digred, dibungkus dan dilabel sebelum ia dipasarkan. Objektif peraturan ialah untuk memastikan semua hasil berkualiti dan selamat dimakan.

Tahap Kematangan

Tahap kematangan cendawan terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

Indeks 1

Kelopak berwarna kelabu gelap, bulat, tebal, pejal dan marginnya melengkung ke bawah. Pangkal kelopak tebal dengan lekuk di permukaan atasnya. Insang rapat dan berwarna putih. Dikelaskan sebagai **muda**.



Indeks 2

Kelopak berwarna kelabu, melebar, menipis dan marginnya sedikit berombak serta permukaan semakin rata. Pangkal kelopak mengecil dengan lekuk ketara di permukaan atasnya. Insang ketara dan menjarak serta berwarna putih. Dikelaskan sebagai **matang**.



Indeks 3

Kelopak berwarna kelabu cerah, nipis, berombak, sedikit melengkung ke atas dan pecah. Pangkal kelopak keras, mengecil dan mula kering. Insang semakin menjarak serta berwarna putih. Dikelaskan sebagai **terlalu matang**.



Kualiti Terbaik

Cukup matang, segar, bersih dan bebas daripada sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.



Kualiti Yang Diterima Pasaran

Cukup matang, segar, bersih, terdapat kecacatan minimum dan agak bebas daripada kerosakan fizikal.



Kualiti Yang Tidak Dikehendaki Pasaran

- Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan bentuk dan rupa yang teruk.
- Kerosakan disebabkan oleh haiwan perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang menjejaskan jangkahayat dan kualiti.



Terlalu melengkung



Bentuk luarbiasa



Berair



Kecut



Nyah warna



Parut



Patah



Serangan serangga



Perosak